



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



ANALISIS PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PRINSIP
KOMUNIKASI DALAM KITAB AL-QURAN DAN VEDA

*ANALYSIS OF EQUATIONS AND DIFFERENCES IN COMMUNICATION
PRINCIPLES IN THE QUR'AN AND VEDA*

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Habibah @ Artini Ramlie², Junaidah Januin³, Esther Jawing⁴, Abang Mohd Razif Abang Muis⁵

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: habibah_artini@ums.edu.my

³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: junaidah@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: estherjawing@ums.edu.my

⁵ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: amrazif@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 02.01.2022

Revised date: 05.02.2022

Accepted date: 01.03.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022). Analisis Persamaan Dan Perbezaan Prinsip Komunikasi Dalam Kitab Al-Quran Dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.

DOI: 10.35631/IJEPC.745012

Abstrak:

Disiplin ilmu komunikasi muncul sebagai satu subjek akademik di Barat dan agak lambat berkembang dalam perspektif Islam. Kitab suci al-Quran dan Kitab Veda sebenarnya banyak mengutarakan pendekatan komunikasi yang berkesan, namun tidak banyak dikaji. Justeru, pengkaji dapati bahawa kurangnya pengetahuan dalam prinsip komunikasi Islam dan Veda menyebabkan penghayatannya tidak menyeluruh dalam kehidupan. Pengkaji mengeluarkan beberapa prinsip komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran dan kitab Veda sebagai panduan kepada pembangunan masyarakat Islam dan Buddha. Kajian ini menyumbang dapatan baharu dengan mempersembahkan satu perbandingan di antara prinsip komunikasi Islam dalam al-Quran dan prinsip komunikasi yang terdapat dalam *Lapan Jalan Mulia* menerusi kitab Veda. Beberapa persamaan di antara kedua-dua bentuk prinsip komunikasi tersebut akan diutarakan dalam kajian ini dan berdasarkan kepada ayat-ayat suci al-Quran dan istilah yang terdapat dalam kitab Veda. Dapatan utama dalam kajian ini ialah terdapat empat persamaan prinsip komunikasi Islam dan Buddha serta sepuluh perbezaan prinsip komunikasi antara kedua-dua kitab tersebut. Justeru, dapatan daripada kajian ini dapat memberi sumbangan baharu

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kepada bidang ilmu komunikasi dengan menonjolkan signifikan prinsip komunikasi Islam dan Buddha yang lebih efektif dalam kehidupan. Pengkaji berharap agar dapatan ini dapat membantu masyarakat Islam dan Buddha supaya lebih teliti dalam menutur kata-kata agar kehidupan bermasyarakat lebih aman dan harmoni sejajar dengan masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata Kunci:

Persamaan Prinsip Komunikasi, Perbezaan Prinsip Komunikasi, Prinsip Komunikasi, Al-Quran, Kitab Veda

Abstract:

Discipline of communication science emerges as an academic subject in the West and is relatively slow to develop in an Islamic perspective. The Holy Book of the Quran and the Book of Veda highlights an effective approach to communication, but not much has been studied. Thus, researchers have found that the lack of knowledge in the principles of Islamic communication and Veda has resulted in his appreciation of not being thorough in life. Researchers issued several principles of communication found in the Quran and the book of Veda as a guide to the development of Muslim and Buddhist communities. This study contributed to the new findings by presenting a comparison between the principles of Islamic communication in the Quran and the principles of communication found in the Eight Noble Roads through the book Veda. Some similarities between the two forms of communication principles will be expressed in this study and based on the verses of the Quran and the terminology found in the book Veda. Some similarities between the two forms of communication principles will be highlighted in this study and based on the verses of the Quran and the terminology found in the Book of Veda. The main findings in this study are four similarities to Islamic and Buddhist communication principles as well as ten differences in the principles of communication between the two books. Thus, the findings from this study can make a new contribution to the field of communication knowledge by highlighting the significant of the principles of Islamic and Buddhist communication that are more effective in life. Researchers hope that these findings will help the Muslim community and Buddhists to be more thorough in their speech to ensure a more peaceful and harmonious society in line with the plural society in Malaysia.

Keywords:

Similarity Of the Principles of Communication, Differences in Principles of Communication, The Principles of Communication, The Quran, The Book of Veda

Pengenalan

Komunikasi merupakan satu aspek penting dalam pembangunan insan, pembangunan negara dan pembangunan tamadun keseluruhannya. Kepentingannya tidak dapat disangkal sehinggakan ia menjadi satu medium dalam menyebarkan maklumat ke seluruh pelosok dunia. Namun begitu, pelbagai maklumat yang disampaikan itu tidak semestinya betul dan kadang kalanya ia melencong jauh dari sasarannya. Bagi memastikan sesuatu ketepatan maklumat yang diterima, satu disiplin ilmu komunikasi perlulah dikuasai terlebih dahulu sebelum proses komunikasi itu bermula. Disiplin ilmu yang dimaksudkan adalah prinsip dalam komunikasi. Ilmu komunikasi ini seringkali dikaji oleh para sarjana Barat sehinggakan timbulnya pelbagai

teori yang dicetuskan tersasar jauh dari landasan Islam. Pun begitu, kita masih lagi mempelajari dan berpegang dengannya sehingga mengetepikan teori-teori asas komunikasi yang tercatat dalam al-Quran. Tanpa adanya sarjana Islam yang mendalami ilmu komunikasi ini secara khusus, maka sukarlah bagi kita untuk mengaplikasi komunikasi sebenar dalam kehidupan seharian.

Setiap agama yang dianuti oleh masyarakat pasti telah mengatur prinsip-prinsip komunikasi yang tersendiri dalam sesuatu proses komunikasi antara sesama manusia. Prinsip-prinsip tersebut adalah demi memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat. Berdasarkan hakikat yang berlaku dalam kehidupan manusia secara bermasyarakat, kita perlu mengetahui dan mengaplikasikan prinsip-prinsip komunikasi tersebut dalam kehidupan seharian. Tanpa prinsip komunikasi, manusia sering kali akan melakukan pelbagai kesalahan dan kesilapan dalam tutur katanya. Dengan kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, tanpa disedari, ia akan mengundang sesuatu perkara yang tidak diundang. Islam telah mengatur prinsip-prinsipnya yang tersendiri dalam sesuatu proses komunikasi yang berlangsung antara sesama manusia. Prinsip-prinsip tersebut adalah demi memelihara keamanan dan kesejahteraan sejagat. Berdasarkan hakikat yang berlaku dalam kehidupan manusia secara bermasyarakat, kita perlu mengetahui dan mengaplikasikan prinsip-prinsip komunikasi tersebut dalam kehidupan seharian. Tanpa prinsip komunikasi, manusia sering kali akan melakukan pelbagai kesalahan dan kesilapan dalam tutur katanya. Dengan kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, tanpa disedari, ia akan mengundang sesuatu perkara yang tidak dirancang.

Pada era globalisasi ini masih lagi terdapat kekurangan dalam penulisan prinsip-prinsip komunikasi berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran mahupun dalam kitab Veda. Kebanyakan daripada sarjana hanya menggarapkan prinsip komunikasi secara umum tanpa disertakan dengan dalil-dalil al-Quran yang menunjukkan kepentingan prinsip komunikasi tersebut dalam kehidupan seharian. Bagi memastikan sesebuah komunikasi itu berkesan dan terkesan kepada pendengar, komunikasi tersebut hendaklah dilakukan dengan menggunakan perkataan yang baik, bijak dan pandai mengatur kata-kata, mengetahui situasi yang sesuai untuk meneruskan komunikasi ataupun secara ringkasnya adalah dengan menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang telah ditetapkan. Ini kerana, perkataan yang buruk atau yang tidak bersesuaian itu akan mendatangkan musibah kepada diri pengucap sendiri. Untuk itu, ia perlulah kembali kepada prinsip-prinsip komunikasi yang terdapat di dalam al-Quran agar apa yang kita bicarakan akan mudah difahami dan diterima oleh masyarakat. Dengan sebab inilah, pengkaji tertarik dan berminat untuk mengkaji dan meneliti prinsip komunikasi berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan kitab Veda untuk dijadikan sebagai satu disiplin ilmu komunikasi umat Islam dan Buddha di Malaysia.

Tinjauan Literatur

Sebelum meneruskan perbincangan berkaitan dengan persamaan dan perbezaan prinsip komunikasi dalam kitab al-Quran dan kitab Veda, pengkaji terlebih dahulu melakukan tinjauan literatur berkaitan prinsip komunikasi Islam dan etika komunikasi dalam kitab Veda. Berdasarkan kepada tinjauan yang dijalankan, pengkaji mendapati majoriti daripada kajian berkaitan dengan prinsip komunikasi adalah dihasilkan oleh sarjana dari Indonesia sama ada prinsip komunikasi berasaskan al-Quran mahupun dalam kitab Veda. Bagi tinjauan literatur berkaitan prinsip komunikasi Islam, pengkaji telah menemui beberapa kajian antaranya kajian yang dijalankan oleh Bahrudin (2010) berkaitan dengan prinsip-prinsip komunikasi dalam al-Quran. Beliau mengutarakan bahawa corak hubungan masyarakat dalam konteks komunikasi adalah sangat diperlukan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni, saling hormat

menghormati antara satu sama lain serta mengelakkan daripada berlakunya diskriminasi dalam komuniti. Dalam mengekalkan perkara tersebut, masyarakat perlu mengamalkan prinsip komunikasi seperti yang terdapat dalam al-Quran seperti *qaulan balighan*, *qaulah masyhuran*, *qaulan qaiyiman*, *qaulan ma'rufan*, *qaulan layyinan*, *qaulan sadidan* dan sebagainya. Kajian Bahrudin (2010) ini disokong kuat oleh kajian Muslimah (2016) di mana beliau menegaskan bahawa dalam era reformasi kini rakyat Indonesia lebih bebas bersuara terhadap keseluruhan aspek dalam kehidupan sama ada dari institusi keluarga mahupun dalam konteks pemerintahan. Walaupun kebebasan bersuara itu dibenarkan oleh pemerintah, namun rakyat perlu mengetahui dan mengikuti etika komunikasi menurut pandangan Islam yang telah digariskan dalam al-Quran. Implementasi etika komunikasi ini dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan dan ia dapat melahirkan sebuah masyarakat yang aman dan harmoni.

Selain itu, Hendra & Musliadi (2019) turut melakukan kajian berkaitan dengan "*Prinsip dan Unsur-unsur Komunikasi dalam Perspektif al-Quran*". Kajian mereka bertujuan untuk melihat bentuk-bentuk prinsip dan unsur komunikasi yang dapat meninggalkan kesan positif kepada pendengar serta dapat melembutkan hati pendengar yang keras. Hasil dapatan mereka mendapati terdapat tiga prinsip yang ditekankan dalam al-Quran bagi tujuan menghasilkan komunikasi yang berkesan iaitu *qaulan masyuran*, *qaulan ma'rufan* dan *qaulan balighan*. Kajian Hakim (2020) pula menekankan aspek komunikasi massa dalam kehidupan di mana beliau mengharapkan agar setiap individu konsisten dan bertanggungjawab dengan apa yang mereka katakan. Ini kerana, kesalahan dan kesilapan komunikasi yang dilakukan oleh seseorang dalam meninggalkan kesan yang besar terhadap masyarakat melainkan mereka menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang tercatat dalam al-Quran. Dengan kajian yang dijalankan, beliau berupaya untuk memperbetulkan pemahaman masyarakat agar melaksanakan prinsip komunikasi dan informasi mengikut perspektif al-Quran agar ia dapat melahirkan masyarakat Islam yang lebih beradab.

"*Prinsip Komunikasi al-Quran dalam Menghadapi Era Medoa Baru*" turut dijalankan oleh Iskandar (2019). Dalam kajian beliau mendapati, terdapat empat tujuan utama media massa Islam iaitu untuk menyampaikan dakwah, untuk menyampaikan sesuatu (*tabligh*), *amar ma'ruf nahi mungkar* dan untuk memperbaiki akhlak. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, umat Islam perlu menggunakan prinsip-prinsip komunikasi yang lahir dari al-Quran seperti berkomunikasi dengan cara dan peranan yang baik, maklumat dan informasi yang tepat, tanggungjawab dalam memastikan maklumat, menyeru kepada Allah dengan cara yang terbaik serta elak dari menggunakan komunikasi yang bercanggah dengan prinsip komunikasi Islam. Tinjauan terakhir berkaitan dengan prinsip komunikasi Islam terarah kepada kajian yang dijalankan oleh Lubi dan rakan-rakan (2017). Kajian mereka bertujuan untuk mengetahui bentuk penerapan nilai komunikasi yang digunakan dalam menjayakan program KB di rantau Prapat Kec. Rantau Selatan. Hasil kajian beliau mendapati penganjur program tersebut menerapkan prinsip-prinsip komunikasi Islam yang baik dalam program yang dijalankan seperti bercakap dengan lemah lembut, nasihat yang baik, dan sebagainya. Dengan menggunakan kaedah prinsip komunikasi Islam sepenuhnya dalam program tersebut, maka tidak hairanlah jumlah peserta yang mengikuti program KB tersebut meningkat setiap tahun.

Kajian berkaitan dengan prinsip komunikasi dalam kitab Veda turut dijalankan oleh pengkaji. Walau bagaimanapun, hasil tinjauan literatur menemui satu kajian yang menjurus kepada etika komunikasi dalam kitab Veda yang dijalankan oleh Suhardi & Awiyane (2018). Hasil kajian beliau menunjukkan bentuk komunikasi dalam kitab Veda adalah terhad kepada jiran sahaja, tetapi komunikasi yang lebih penting adalah komunikasi antara manusia dengan tuhan. Kajian

mereka turut mendapati komunikasi asas dalam Hindu adalah konsep keseimbangan antara kehidupan rohani dan dunia. Komunikasi sesama manusia bermula daripada institusi keluarga, masyarakat dan juga negara dapat mewujudkan masyarakat Hindu berfikir secara terbuka dalam membentuk kehidupan yang sejahtera. Berdasarkan kepada literatur tersebut, kajian berkaitan dengan persamaan dan perbezaan prinsip komunikasi antara dua kitab utama dalam Islam dan Hindu belum pernah dijalankan. Lantaran itu, kajian ini sangat relevan dan sesuai dikaji berdasarkan kepada tuntutan masyarakat multietnik bagi mewujudkan satu rumpun masyarakat yang sentiasa menjaga tutur kata ketika berkomunikasi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen di mana pengkaji melihat dan menganalisis prinsip-prinsip komunikasi yang terdapat dalam kitab al-Quran dan kitab Veda. Kedua-dua kitab ini merupakan kitab yang dijadikan sebagai sumber utama dan panduan bagi mereka yang menganut agama Islam dan Buddha. Pengkaji turut menganalisis persamaan dan perbezaan prinsip komunikasi yang terdapat dalam kedua-dua kitab tersebut sebagai rujukan dan panduan kepada manusia dalam melaksanakan komunikasi sesama manusia.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Kitab Veda

Sebagaimana yang diketahui bahawa setiap sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan itu pasti mempunyai prinsip dan matlamat yang ingin dicapai. Sejauh mana pencapaian sesuatu objektif tersebut, bergantung kepada sejauh mana pengaplikasiannya terhadap perkara tersebut. Ini termasuklah dalam konteks komunikasi yang sering kita lakukan dalam kehidupan seharian. Tanpa disedari bahawa komunikasi yang diperkatakan itu akan mengundang impak yang besar dalam kehidupan seseorang. Lantaran itu, Allah SWT telah menggariskan beberapa prinsip komunikasi kepada hamba-hambanya menerusi firmanNya di dalam al-Quran sebagai panduan dan rujukan manusia untuk berkomunikasi. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2019), mengetahui dan menguasai ilmu komunikasi yang berkesan adalah satu keperluan bagi seorang Muslim. Selaku manusia, kita tidak sepatutnya memandang remeh dengan prinsip komunikasi yang ada kerana dengan prinsip-prinsip tersebutlah kehidupan manusia di dunia ini berada dalam keadaan aman dan damai.

Ajaran Buddha menggalakkan penganutnya agar sentiasa menjaga pertuturan dalam kehidupan seharian kerana kebanyakan masalah berpunca daripada pertuturan yang salah ataupun lebih tepat lagi adalah disebabkan daripada pertuturan yang kurang beradab. Menurut Darmayasa (2001), dalam Nitisastra, Sargah V. bait 3 ada menyebut bahawa “kerana berbicara engkau menemukan kebahagiaan, kerana berbicara engkau mendapat kematian, kerana berbicara engkau akan menemukan kesusahan dan kerana berbicara pula engkau mendapat sahabat”. *Sila* ataupun kelakuan moral yang diajar oleh Buddha mampu mengawal pertuturan dan perbuatan fizikal seseorang. Tetapi *sila* hanya merupakan satu kaedah yang boleh digunakan untuk mencapai *samadhi* atau penumpuan. *Samadhi* adalah cara untuk memperolehi *panna*, kebijaksanaan sebenar yang menuju ke arah pembebasan minda iaitu matlamat akhir ajaran Buddha. Maka, *samma-vaca* diwujudkan untuk memastikan penganut ajaran Buddha menjaga pertuturan dalam kehidupan masing-masing. Dalam konteks ini pertuturan membawa maksud menghormati kebenaran dan menghormati kebajikan orang lain. Pertuturan yang betul dalam Lapan Jalan Yang Mulia ajaran Buddha ini, merangkumi empat elemen iaitu mengelakkan diri daripada bercakap bohong, mengelakkan fitnah dan penyebaran khabar angin, mengawal diri

daripada mengeluarkan perkataan yang kasar dan tidak membuang masa dengan bercakap kosong. Ini sepertimana yang dijelaskan dalam Bhagavadgita 17.15 iaitu: “Pertapaan suara terdiri dari mengeluarkan kata-kata jujur, kata-kata yang menyenangkan, kata-kata yang bermanfaat, tidak mengganggu orang lain dan juga membacakan sastra Veda secara teratur” (AC, 2006).

Persamaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Kitab Veda

Persamaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Kitab Veda



Sumber: Kajian Penyelidikan (2021)

Bercakap Benar

Prinsip komunikasi pertama yang termaktub dalam kitab al-Quran dan Veda adalah bercakap benar. Bercakap benar termasuk dalam sifat terpuji dan mahmudah yang perlu ada dalam setiap diri seorang Muslim (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021b). Ia merupakan satu prinsip yang ditekankan dalam agama Islam dan Buddha. Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang dikaitkan dengan kepentingan bercakap benar termasuklah dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab (33:70) yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara)*”. Berdasarkan kepada dalil naqli tersebut jelas menunjukkan bahawa Islam sangat mengutamakan prinsip bercakap benar dalam segala perkara yang dilakukan oleh umat Islam. Hal ini turut disokong oleh Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Iman seseorang itu tidak lurus kecuali hatinya lurus dan hatinya tidak lurus kecuali lidahnya lurus”.

Kedua-dua dalil ini jelas menyatakan kepada kita bahawa bercakap benar adalah suatu perintah utama. Allah SWT memerintahkan hambanya supaya berkata benar dalam setiap apa yang dilakukan atau diperkatakan. Kata-kata yang benar akan menyelamatkan kita dari segala masalah. Manusia juga perlu berkata benar dalam apa jua keadaan, walaupun ketika marah dan

tidak menuruti hawa nafsu. Dalam ajaran Buddha pula, berbohong dianggap sebagai salah satu tindakan jahat. Dalam kitab *Dhammapada Kodha Vagga* (XVII, 232) juga disebutkan tentang perihail sentiasa menjaga ucapan dengan meninggalkan perbuatan jahatnya melalui ucapan yang bermaksud: “Sebaiknya orang yang selalu menjaga ucapan, sebaiknya mereka boleh mengendalikan ucapannya. Setelah meninggalkan perbuatan jahatnya melalui ucapan, sebaiknya ia selalu mengembangkan perbuatan baiknya melalui ucapan”.

Menurut Jendra (1988), Bhagavan Satya Narayana telah memaparkan berkaitan dengan cara pengendalian berbicara yang tepat iaitu: “Lidahmu bertanggungjawab pada empat kesalahan besar bahwa; berdusta, membicarakan kesalahan orang, mencaci maki dan berbicara tidak Susila”. Keempat kesalahan ini harus dihindari oleh setiap individu bagi menjaga hubungan baik sesama masyarakat. Walau bagaimanapun, menurut Sudharta (2003), dalam *Slokantara Sloka 69* ada menyatakan bahawa: “ada lima bentuk kebohongan yang dianggap bukan dosa apabila dilakukan oleh seseorang iaitu; ucapan yang menyebabkan orang tertawa, ucapan untuk menyelamatkan jiwa, ucapan untuk menyelamatkan harta kekayaan, menyelamatkan anak dan isteri dan juga pada waktu bersenggama atau bersetubuh, jika ucapan itu bohong, maka kebohongan itu dibolehkan”.

Berdasarkan kepada ucapan tersebut jelas menunjukkan bahawa ucapan seseorang itu sangat berkait rapat dengan tingkah laku individu tersebut. Seseorang individu yang baik sifatnya akan sentiasa menjaga ucapannya dalam segenap sudut kehidupannya. Ini menunjukkan bahawa ucapan yang baik akan keluar dari mulut orang yang baik begitu juga sebaliknya. Apabila dilihat dalam hukum karma, terdapat empat aspek yang boleh dikategorikan sebagai perbuatan berbohong. Aspek pertama adalah apa yang diperkatakan oleh seseorang itu tidak sesuai dengan apa yang dialaminya atau tidak sama dengan kejadian yang sebenar. Aspek yang kedua pula ialah ucapan yang disampaikan oleh seseorang itu bertujuan untuk menipu orang lain. Situasi ketiga pula ialah apabila seseorang itu menuturkan ucapan bohong sebagai satu kebenaran dan yang terakhir adalah ucapan atau perkataan daripada seseorang yang berbohong itu diterima sebagai satu kebenaran oleh orang lain. Menurut ajaran Buddha, sesiapa yang suka berbohong semasa hidupnya akan mengalami kelahiran semula di alam yang rendah setelah kematiannya. Oleh itu, ajaran Buddha amatlah menggalakan pertuturan yang berunsurkan kebenaran semata-mata.

Berkomunikasi Dengan Fakta Yang Tepat

Persamaan seterusnya adalah berkaitan dengan prinsip komunikasi berbicara sesuatu perkara yang mempunyai fakta tepat dan bukan berkaitan dengan sesuatu yang batil. Aspek perbicaraan dan perkara yang dibahaskan juga termasuk aspek prinsip komunikasi dalam Islam dan Buddha. Menerusi kitab al-Quran, prinsip komunikasi ini dijelaskan dalam (Surah al-Nisa', 4:140) di mana dalam ayat tersebut Allah SWT menjelaskan kepada umat Islam bahawa jika sekiranya mana-mana orang Islam yang mendengar orang kafir atau munafik memperkecilkan ayat-ayat al-Quran atau membicarakan sesuatu yang bercanggah dengan syariat Allah maka hendaklah mereka diam (tidak bergaul dengan perbahasan mereka) sehingga mereka merubah topik perbincangan mereka kearah hal lain. Ini kerana, jika kamu tidak melakukan hal yang sedemikian bererti kamu sama seperti mereka juga.

Namun, menurut Ali (1991) berpendapat dalam situasi sedemikian, kita juga perlu membantah perbuatan mereka itu walaupun mereka tidak bersetuju kerana ia dapat menyelamatkan mereka daripada mempersenda-sendakan kebenaran. Prinsip komunikasi ini turut ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: “*Barang siapa yang beriman*

dengan Allah dan hari Akhirat, maka hendaklah berkata-kata tentang kebaikan atau berdiam diri sahaja” (Bukhari, *Sahih*, Kitab (78), Bab (31:6018). Berdasarkan hadis tersebut Rasulullah SAW mengambil pendekatan untuk lebih banyak berdiam diri dan banyak bercakap mengikut keperluan, sekalipun baginda berperanan sebagai rasul dan pemimpin tertinggi bagi umat Islam. Sebarang bentuk komunikasi yang membawa kepada perkara-perkara batil adalah amat dilarang oleh Islam. Malah perbuatan tersebut akan mengundang kepada kesusahan hidup manusia sama ada di dunia ataupun di akhirat kelak. Rasulullah SAW sebagai contohnya adalah seorang yang tidak banyak bercakap melainkan kepada perkara yang bermanfaat sahaja.

Prinsip komunikasi kedua dalam kitab Veda menerusi pertuturan yang benar adalah mengelakkan fitnah dan penyebaran khabar angin. Dalam elemen kedua ini, seseorang individu dilarang mengeluarkan kata-kata yang boleh membawa kepada perpecahan dan persengketaan dalam masyarakat. Dalam ajaran Buddha, perbuatan fitnah atau menyebarkan khabar angin merupakan *dasa akusala kammapatha* yang akan menimbulkan impak negatif apabila sering dilakukan. Perbuatan fitnah juga sering dikaitkan dengan konsep *Samphappalapa* dan perbualan kosong termasuk perbuatan jahat yang dilakukan melalui ucapan kasar (Dhammananda, 2004). Ajaran Buddha amat menekankan penganutnya agar mengelakkan fitnah dan penyebaran khabar angin kerana perbuatan sedemikian dapat menimbulkan perpecahan, perselisihan, kemarahan, kesombongan, kedengkian, egoisme yang berlebihan dan banyak lagi kesan negatif. Perbuatan menyebarkan satu kenyataan palsu juga boleh merosakkan status orang lain. Justeru, ajaran Buddha mengajar penganutnya agar sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap setiap perkara yang diucapkan sehingga mampu membezakan cara pengucapan yang akan mengganggu atau menggembirakan individu tersebut. Untuk menghindari pembicaraan yang tidak bermanfaat seperti fitnah dan khabar angin, seseorang itu perlu berfikir terlebih dahulu sebelum menutur sesuatu perkara.

Menggunakan Bahasa Dan Perkataan Yang Baik

Persamaan prinsip komunikasi dalam al-Quran dan kitab Veda adalah menggunakan bahasa dan perkataan yang baik serta mengawal diri daripada menggunakan perkataan yang kasar. Prinsip komunikasi ini sebenarnya prinsip komunikasi asas yang ada dalam setiap agama. Tidak ada satu agamapun yang membenarkan umatnya untuk bertutur dengan perkara-perkara yang tidak baik kerana ia dapat merobohkan tembok persaudaraan dalam masyarakat. Menurut Jendra (1993) bahasa mempunyai dua aspek yang disebut dengan struktur lahir dan batin. Ini bermaksud bahasa yang digunakan oleh seseorang itu dapat ditafsirkan dengan makna hakiki ataupun membawa maksud sebaliknya.

Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang menggesa untuk bertutur dengan menggunakan bahasa dan perkataan yang baik tanpa mengira tempat dan keadaan. Islam juga amat menitikberatkan penggunaan bahasa dan perkataan yang baik ketika berkomunikasi, khususnya dalam keluarga. Individu yang datang daripada keluarga yang sopan biasanya akan menggunakan bahasa yang baik manakala anak-anak yang dibesarkan dalam masyarakat atau keluarga yang pincang lazimnya gemar menggunakan perkataan keji dan kotor seperti maki hamun, kata-kata kesat, kata-kata lucu dan sebagainya. Prinsip komunikasi ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firmannya (surah al-Isra', 17:23), (surah al-Nisa', 4:8), (surah al-Isra', 17:53), (Surah al-Baqarah, 2:83), (surah al-Baqarah, 2:263) dan banyak lagi. Selain dari galakan untuk berkomunikasi dengan bahasa dan perkataan yang baik, Allah SWT juga menyuruh umat Islam supaya tidak menuturkan perkara-perkara yang berbentuk cacian dan kejian ketika berkomunikasi. Hal ini telah Allah SWT rakamkan dalam (surah al-Humazah, 104:1) yang bermaksud: “*Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji*”. Oleh itu,

elakkanlah diri dari berkata sesuatu yang batil kerana ia bukan mengundang sesuatu yang berharga kepada penutur tetapi ia akan menambahkan lagi persengketaan dan permusuhan.

Selain itu, kita perlu mengawal diri daripada mengeluarkan perkataan yang kasar seperti memaki hamun dan menghina. Maki hamun bermaksud kata-kata yang sangat kasar dan keji (Kamus Dewan, 2015). Setiap ajaran termasuk ajaran Buddha menasihatkan penganutnya agar sentiasa mengeluarkan perkataan yang sopan dan mesra dalam kehidupan seharian agar kita dihormati dan disukai oleh masyarakat sekeliling. Hal ini kerana, perbuatan memaki hamun dan mencaci ini akan menimbulkan rasa sakit hati, dendam dan kemarahan dalam diri seseorang jika perkataan yang kasar dan keji itu disampaikan khas untuknya. Tidak ada seorang manusia yang akan berasa gembira jika dirinya dimaki hamun dengan orang lain. Tambahan pula, jika kita dimaki hamun dengan orang lain, kita akan mempunyai masalah dalam mengawal pertuturan kita dalam perbualan tersebut kerana manusia akan cenderung untuk membalas balik apa yang diucapkan kepadanya. Oleh itu, ajaran Buddha menyarankan agar penganutnya sentiasa bersopan santun dalam pertuturan dan hanya membalas pertuturan yang setimpal jika dimaki hamun oleh orang lain. Pertuturan yang berlebihan amatlah tidak digalakkan kerana perbuatan itu akan membangkitkan isu pergaduhan kerana seperti yang kita tahu, kebanyakan masalah bermula dari pertuturan yang tidak betul.

Bercakap Sesuatu Yang Mendatangkan Manfaat

Islam menyarankan agar umatnya sentiasa menjaga tutur katanya dalam komunikasi termasuklah dalam perkara yang mahu dibicarakan. Bagi merealisasikan prinsip komunikasi ini, al-Quran menegaskan agar orang Islam berkomunikasi dengan sesuatu perkara yang mempunyai tujuan baik atau bermanfaat sahaja. Ini kerana, berbicara dengan sesuatu yang batil atau tidak berguna akan mendatangkan kerugian kepada mereka sahaja di dunia dan di akhirat. Hal ini telah Allah SWT nyatakan dalam al-Quran (surah al-Ma'idah, 5:2) dan (surah Ali-'Imran, 3:110). Selain itu, Islam juga mengajar umatnya agar merancang idea dahulu sebelum berkomunikasi. Ini kerana dengan komunikasi yang terancang, seseorang itu tidak akan membicarakan sesuatu yang bukan dari topik perbincangan atau dengan kata lainnya tidak berbicara dengan perkara yang tidak mendatangkan faedah. Komunikasi yang terancang dan teratur dapat mengelakkan seseorang itu dari terjebak ke kancah fitnah dan dapat menghindari dari wujud perselisihan faham antara satu sama lain. Menurut Mohammad (1996:93), maksud teratur dalam komunikasi ialah mengutamakan yang lebih penting ketika berkomunikasi manakala yang tidak atau kurang penting boleh dikemudiankan.

Menurut kitab Veda, elemen terakhir yang dinyatakan dalam aspek pertuturan yang benar ialah tidak membuang masa dengan bercakap kosong. Perbuatan ini bukan sahaja membuang masa tetapi juga akan merosakkan maruah orang lain kerana gosip boleh didefinisikan sebagai fakta yang telah ditokok-tambah oleh orang lain. Lebih tepat lagi, gosip membawa maksud suatu berita yang disebarkan tanpa ada kesahihannya atau berita yang tidak berlandaskan pada fakta yang tepat. Perbualan kosong dan gosip juga mengakibatkan wujudnya perbuatan mengumpat kerana mereka berbual tentang perkara-perkara buruk tanpa pengetahuan seseorang. Sejarajar dengan perkembangan teknologi zaman sekarang, masyarakat kini lebih gemar menokok-tambah sesuatu fakta apabila mereka menyampaikannya kepada orang lain dengan tujuan ingin menghiburkan diri sendiri dan orang lain. Perkara seperti ini akan merosakkan imej seseorang kerana didorong oleh perasaan dengki. Ringkasnya, seseorang itu perlu mengelakkan diri daripada melibatkan diri dalam perbualan kosong atau gosip dan perlu mendapatkan kepastian tentang sesuatu perkara sebelum menyampaikannya kepada orang lain seperti yang diajarkan dalam ajaran Buddha. Lebih baik kita meluangkan masa berbual tentang sesuatu yang lebih

bermakna seperti isu-isu semasa dan perkara-perkara akademik dan lain-lain. Contohnya seperti, mengikuti ceramah-ceramah keilmuan dimana ia boleh mendatangkan banyak manfaat berbanding dengan melepak di kedai makan sambil berbual kosong.

Berdasarkan dalil-dalil tersebut, sudah jelas kepada kita bahawa Islam dan Buddha amat menyeru dan menyuruh manusia supaya sentiasa menjaga tutur kata semasa melakukan proses komunikasi. Perintah dan suruhan ini tidak hanya tertumpu kepada sesama Muslim sahaja, bahkan ia meluas sehingga kepada golongan bukan Muslim. Oleh itu, gunakanlah seluruh prinsip-prinsip komunikasi yang telah diajar oleh agama dalam kehidupan agar dengan pelaksanaan ini kita dapat mewujudkan sebuah masyarakat multietnik yang sejahtera serta mewujudkan hubungan harmoni antara satu sama lain.

Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Kitab Veda

Dalam kajian yang dijalankan terhadap kitab al-Quran dan Veda, pengkaji mendapati terdapat beberapa perbezaan prinsip komunikasi dalam kedua-dua kitab tersebut. Perbezaan ini dilihat dari sudut penekanan dan pelaksanaannya yang terkandung dalam kitab al-Quran dan Veda. Secara umumnya, pengkaji mendapati prinsip komunikasi dalam al-Quran lebih banyak dan terperinci berbanding dalam kitab Veda. Dalam al-Quran, pengkaji menemui sepuluh prinsip komunikasi selain empat prinsip komunikasi yang sama antara al-Quran dan Veda, manakala dalam kitab Veda hanya empat prinsip komunikasi sahaja yang ditekankan kepada penganut Buddha. Perbezaan prinsip komunikasi tersebut adalah seperti rajah 2 berikut.

Rajah 2: Perbezaan Prinsip Komunikasi Dalam Kitab Al-Quran Dan Kitab Veda



Sumber: Kajian Penyelidikan (2021)

Bercakap Lemah Lembut

Islam menyarankan umatnya agar sentiasa bertutur dengan lemah lembut dalam proses komunikasi yang dijalankan berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam Surah ^cAli-Imran (3:15). Pelaksanaan prinsip komunikasi secara lemah lembut ini tidak dihaskan kepada sesetengah golongan sahaja bahkan ia dituntut untuk setiap lapisan masyarakat. Menurut

Mokhtar dan rakan-rakan (2021a), bercakap dengan gaya bahasa yang lemah lembut dapat melembutkan hati manusia walaupun ia sekeras batu. Ini jelas menunjukkan bahawa bercakap dengan lemah lembut dapat menarik perhatian pendengar serta membuka hatinya untuk menerima maklumat dan mesej yang ingin disampaikan oleh seseorang. Menasihati seseorang juga perlu dilaksanakan dengan cara berlemah lembut kerana ia menjadi satu daya tarikan kepada pendengar. Dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021c), pendekatan lemah lembut dalam kaedah pengajaran menjadi tarikan pelajar terhadap subjek yang diajar oleh seseorang pensyarah dan inilah kehebatan dari prinsip lemah lembut dalam komunikasi.

Berdialog Dengan Cara Yang Baik Dan Berhikmah

Prinsip komunikasi seterusnya adalah berdialog dengan cara yang baik dan berhikmah. Islam mengajar umatnya untuk mengaplikasikan prinsip komunikasi ini berdasarkan kepada surah al-Nahl (16:125). Allah SWT mengutuskan nabi Muhammad SAW dan para nabi terdahulu menggunakan prinsip berdialog dengan cara yang baik dan berhikmah ini terhadap bapa, kaum kerabat, para musyrikin serta golongan-golongan yang jelas menentang Islam. Berdialog dengan menggunakan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah SWT dapat menyelesaikan masalah dan membuka fikiran untuk menerima dan menilai keabsahan mesej yang disampaikan. Dalam melaksanakan pendekatan dialog ini, seseorang itu perlulah mengawal emosi dan hawa nafsu mereka dari menutur dan mengeluarkan kata-kata yang kasar agar mesej yang disampaikan itu dapat diterima baik oleh pendengar.

Nada Percakapan Yang Sesuai

Allah SWT mengajar hambanya untuk mengawal nada percakapan ketika melakukan komunikasi sesuai dengan keadaan, masa dan tempat. Prinsip komunikasi ini telah dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah Taha (20:43-44) dan surah Luqman (31:19) sebagai panduan dan rujukan umat Islam. dengan melaksanakan prinsip komunikasi ini, seseorang itu akan mudah mendengar dan menerima mesej yang ingin disampaikan kepadanya kerana ia dilaksanakan dengan penuh 'kerahsiaan'. 'Kerahsiaan' di sini bermaksud nasihat dan teguran tersebut hanya didengari olehnya sahaja serta dapat menjaga aibnya dari diketahui oleh orang lain. Penggunaan nada yang terkawal juga akan memberikan nilai tambah kepada seseorang untuk lebih selesa mendengar dan menerima mesej yang disampaikan.

Mendengar Dengan Baik

Mendengar dengan baik turut menjadi salah satu daripada prinsip komunikasi dalam Islam. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021a), komunikasi tidak hanya tertumpu kepada lisan semata-mata tetapi ia diukur dengan sejauhmana fokus seseorang yang mendengar komunikasi tersebut. Bagi memastikan jaringan komunikasi mencapai tahap yang diinginkan, seseorang itu perlu memberikan sepenuh perhatian terhadap apa yang disampaikan kepadanya sejajar dengan kehendak Islam (surah al-Anfal, 8:21-22), (surah Luqman, 31:7) dan (surah al-An'am, 6:36). Tambahan pula, hanya pendengar yang fokus dan komited sahaja yang akan bertindak dan memberi maklum balas dengan apa yang disampaikan kepadanya (Ahmad, 2001).

Jujur Dan Ikhlas Dalam Berkomunikasi

Prinsip komunikasi Islam yang seterusnya adalah jujur dan ikhlas dalam berkomunikasi. Setiap manusia perlu menitikkan unsur-unsur jujur dan ikhlas dalam komunikasi yang digunakan pada setiap ruang kehidupan. Melaksanakan komunikasi dengan jujur dan ikhlas ini dapat menepati kehendak Islam serta memudahkan mesej data diterima baik oleh seseorang (surah al-Saff, 61:2-3). Sebagai seorang Muslim, kita seharusnya mengaplikasikan prinsip komunikasi ini dalam kehidupan kerana ia dapat mewujudkan hubungan baik antara satu sama lain. Mereka

yang mengabaikan prinsip komunikasi ini sudah pasti bicaranya tidak diterima oleh masyarakat serta mengundang perpecahan dan perbalahan dalam komuniti.

Bersifat Rendah Diri

Allah SWT menciptakan setiap manusia dengan cara, bahan dan kaedah yang sama antara satu sama lain. Allah SWT juga menganugerahkan akal terhadap manusia untuk mereka memikirkan kekuasaan dan kebesaran Allah SWT. Berdasarkan perkara tersebut jelas menunjukkan bahawa setiap manusia itu adalah sama dan yang membezakan mereka adalah amal dan taqwa (surah al-Hujurat, 49:12-13). Dengan kesamaan taraf manusia tersebut, maka kita perlulah menanam sifat rendah diri ketika berbicara sesama manusia, apatah lagi dengan pencipta. Sifat rendah diri dalam komunikasi dapat diterima baik oleh pendengar serta dapat mengubah seseorang menjadi yang lebih baik (Ghullusy, 1978).

Berkomunikasi Secara Bersemuka

Berkomunikasi secara bersemuka juga merupakan salah satu dari prinsip komunikasi Islam dalam kitab al-Quran. Prinsip ini telah dirakamkan oleh Allah SWT dalam surah Maryam (19:42-43) dan surah al-An'am (6:74). Kedua-dua contoh prinsip komunikasi secara bersemuka ini telah dizahirkan oleh nabi Ibrahim AS terhadap bapanya, Aazar dalam seruan kembali kepada ajaran Islam. Implementasi komunikasi secara bersemuka ini adalah satu bentuk medium komunikasi terbaik antara manusia kerana kita sedar dan tahu dengan siapa kita berkomunikasi. Namun, dewasa ini, pelaksanaan dakwah dan penyebaran mesej menerusi media sosial sedikit sebanyak mengurangkan keaslian mesej yang disampaikan kerana kita tidak mengetahui siapakah yang menghantar mesej tersebut dan adakah maklumat yang disampaikan tersebut tepat dan boleh dipercayai.

Tidak Mengecilkan Pandangan Orang Lain

Sebagai seorang manusia yang mempunyai hati dan perasaan, kita seharusnya mengambil kira pandangan dan pendapat orang lain dalam aspek komunikasi. Prinsip tidak mengecilkan pandangan orang lain turut dijadikan sebagai prinsip komunikasi dalam Islam. Sikap mengecilkan pandangan orang lain dapat memutuskan hubungan baik antara satu sama lain dan ia ditegah oleh Allah SWT (surah Ali Imran, 3:159). Prinsip komunikasi ini sebenarnya telah dipraktikkan oleh para nabi terdahulu khususnya dalam menyebarkan risalah Islam serta membawa masyarakat kembali kepada Allah SWT. Peristiwa mengambalikan pandangan orang lain dalam pelbagai keadaan telah dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW dalam peperangan di mana baginda sendiri memohon pandangan para sahabatnya untuk mengatur strategi. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021a), pandangan dan pendapat yang dicernakan oleh dua orang adalah jauh lebih baik dari pendapat sendiri kerana ia akan memberikan pandangan yang berbeza. Inilah pandangan yang disarankan oleh Allah SWT kepada umat Islam (surah Syura, 42:36).

Berdoa Dan Bertawakkal Kepada Allah SWT

Islam mengajar umatnya agar sentiasa berdoa dan bertawakkal kepada Allah SWT dalam setiap keadaan sama ada susah mahupun senang (surah al-Araf, 7:55) dan ia adalah intipati rasa syukur kepada Allah SWT. Konsep doa dan tawakkal adalah prinsip komunikasi Islam yang perlu ditanamkan dalam setiap diri manusia. Berdoa juga adalah bentuk komunikasi antara manusia dengan Allah SWT bagi mengharapkan kebaikan, rahmat dan dipermudahkan sebarang urusan. Islam menyarankan umatnya berdoa dan memohon kepada Allah SWT dengan perkara kebaikan (surah Yunus, 11:84) kerana Allah SWT adalah penentu kepada doa tersebut. Sirah nabi terdahulu juga banyak mengaplikasikan prinsip komunikasi ini dalam

kehidupan mereka seperti konsep doa dan tawakkal nabi Musa AS dalam dakwahnya kepada Firaun (surah Taha, 20:25-28). Tahap kebergantungan seseorang Muslim dengan pencipta sememangnya tidak dapat dinafikan dan inilah yang disarankan oleh Allah SWT kepada seluruh hambanya.

Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, pengkaji telah menemui pelbagai prinsip komunikasi dalam al-Quran dan kitab Veda. Prinsip-prinsip ini dipetik dari ayat-ayat al-Quran dan kandungan dalam kitab Veda sebagai panduan kepada umat manusia yang menganut agama masing-masing. Dapatan kajian menemukan beberapa persamaan dan perbezaan prinsip komunikasi yang terkandung dalam kedua-dua kitab tersebut. Terdapat empat persamaan di antara prinsip komunikasi dalam kitab al-Quran dan Veda iaitu bercakap benar, berkomunikasi dengan fakta yang tepat, menggunakan bahasa dan perkataan yang baik dan bercakap sesuatu yang mendatangkan manfaat. Namun, prinsip komunikasi dalam al-Quran telah diperincikan lagi kepada sepuluh prinsip lain dan ia merupakan perbezaan di antara prinsip komunikasi dalam al-Quran dan dalam kitab Veda. Sepuluh prinsip tersebut termasuklah bercakap lemah lembut, berdialog dengan cara yang baik, nada percakapan yang sesuai, mendengar dengan baik, mengotakan apa yang dikata, jujur dan ikhlas dalam berkomunikasi, bersifat rendah diri, berkomunikasi secara bersemuka, tidak mengecilkan pandangan orang lain dan berdoa serta tawakkal kepada Allah SWT. Maka dengan ini jelaslah menunjukkan bahawa prinsip komunikasi telah pun termaktub di dalam al-Quran dan Veda tersebut perlulah dilaksanakan oleh manusia dalam mengatur tutur kata ketika memulakan proses komunikasi. Perkataan yang baik akan membuahkan hasil yang baik, manakala perkataan yang buruk akan mengundang musibah yang tidak diundang. Oleh itu, dengan melaksanakan prinsip komunikasi yang digariskan dalam al-Quran dan kitab Veda dapatlah sesebuah masyarakat itu mewujudkan hubungan baik antara mereka tanpa mengira bangsa dan agama.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa atas kelulusan geran Seed Money PPIB (TPB1907) bagi memudahkan kajian ini dijalankan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- AC, S. S. (2006). *Bhaktivedanta Swami Prabhupada. Bhagavadgita Menurut Aslinya*. Jakarta: The Bhakti Vedanta Book Trust.
- Ahmad, A. M. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, A. Y. (1991). *al-Qur'ān al-Kārim, Terjemahan dan Huraian Maksud*. Jil.1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahrudin. (2010). Prinsip-prinsip Komunikasi dalam al-Quran. *Jurnal Ilmu Dakwah*. Vol.4, No. 15. 827-847.
- Darmayasa. (2001). *Nitisastra*. Denpasar: Manikgeni.
- Dhammananda, S. (2004). *Keyakinan Umat Buddha*. Jakarta: Yayasan penerbit Karaniya.
- Ghullusy, A. A. (1978). *al-Dakwah al-Islāmiyyah, Usuluha wa Wasāiluha*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misr.
- Hakim, A. H. (2020). Prinsip-Prinsip Komunikasi dan Informasi dalam Perspektif al-Quran Membangun Komunikasi Beradab. *Jurnal Kajian Dakwah dan Kemasyarakatan*. 24 (1). 2020. 13-33.

- Hendra, T. & Musliadi, P. (2019). Prinsip dan Unsur-Unsur Komunikasi dalam Perspektif al-Qur'an. *Wardah*. ISSN 1412-3711, e-ISSN 2503-3050. 12-31. 12-31.
- Iskandar, I. (2019). Prinsip Komunikasi al-Quran dalam Menghadapi Era Media Baru. *al-Fanar: Jurnal Ilmu al-Quran dan Tafsir*. Volume 2. No. 1. 55-74.
- Jendra, I. W. (1993). *Berbicara dalam Sastra Hindu*. Jakarta: Pustaka Manikgeni.
- Kamus Dewan. (2015). Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lubi, L., Hasmawati, F. & Batubara, H. J. (2017). Penerapan Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Mensukseskan Program KB di Rantau Prapat Kec. Rantau Selatan Kabupaten Labuhanbatu. *al-Balagh*: Vol. 1 No. 2 Julai - Disember 2017. 267-290.
- Mohammad, F. (1996). *Konsep Tutur Bicara dalam Islam*. Johor Bahru: Jahabersa.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021a). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021b). Nilai Moral dalam Sajak 'Ke Makam Bonda' Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Vol. 6. Issue 41. (July 2021). 76-91.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021c). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6, Issue 39 (May 2021). 178-193.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Muslimah. (2016). Etika Komunikasi dalam Perspektif Islam. *Sosial Budaya* (e-ISSN 2407-1684 | p-ISSN 1979-2603). Vol. 13, No. 2, Disember 2016. 115-125.
- Sudharta, T.R. (2003). *Slokantara: Untaian Ajaran Etika, Teks, Terjemahan dan Ulasan*. Surabaya: Paramita.
- Suhardi, U. & Awiyane, W. T. (2018). Etika Komunikasi Dalam Veda (Tinjauan Fenomenologi Pada Era Globalisasi). *Jurnal Pasupati*. Vol. 5 No. 1. Jan-Jun 2018. 61-103.
- Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran 30 juzu'. 2000. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.